

PERJALANAN HIDUP NABI MUHAMMAD ﷺ SIRI 1

Pengenalan

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t melalui jelajah siri perjalanan hidup baginda Nabi Muhammad ﷺ, para pembaca dapat mengenali dan menyelami kehidupan ikutan sepanjang zaman Baginda ﷺ.

Nabi Muhammad ﷺ adalah rasul yang terakhir diutuskan Allah s.w.t kepada umat Islam dan syariat yang dibawa oleh Baginda ﷺ merupakan penutup segala syariat.

Allah s.w.t. berfirman:

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَأُ حَسَنَةٍ﴾ الأحزاب: ٢١

Maksudnya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik. (Al-Ahzab:21)

Nabi Muhammad ﷺ merupakan contoh teladan yang sempurna dan model kepada sesiapa sahaja yang ingin memiliki kehidupan yang baik dan bahagia samada di dunia dan di akhirat. Tambahan pula, kehidupan Baginda ﷺ tidak ditokok tambah dengan sifat ketuhanan dan dijauhkan dengan cerita-cerita dongeng yang tidak memberi peluang kepada musuh Islam menyerang agama yang suci ini.

Kehidupan Baginda ﷺ Sebelum Diangkat Sebagai Rasul

Nama Baginda ﷺ ialah Muhammad Bin Abdullah Bin Abdul Mutalib. Baginda ﷺ berasal daripada kabilah Bani Hasyim (Keturunan Quraisy yang paling mulia). Oleh itu, Nabi Muhammad ﷺ tidak mempunyai isu keturunan di mana musuh Islam akan gunakan untuk merosakkan imej Islam. Baginda ﷺ dilahirkan pada hari Isnin, 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 570 M iaitu pada tahun gajah di Kota Makah Al-Mukarramah.

Firman Allah s.w.t.:

قال تعالى: ﴿أَلَا يَحْذِكَ بِتِيمًا فَغَاوَى ﴾ ﴿٦﴾ الضحى: ٦

Maksudnya:

Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Dia memberikan perlindungan? (Ad-Dhuha:6)

Ayat ini menjelaskan bahawa baginda ﷺ membesar sebagai anak yatim. Setelah mencecah umur 6 tahun, ibu Baginda telah meninggal dunia dan datuk Baginda, Abdul Mutolib menjaganya sehingga berumur 8 tahun sebelum meninggal dunia. Selepas itu, Baginda ﷺ dijaga oleh bapa saudara Baginda sehingga mencapai umur dewasa.

Rasulullah s.a.w. menghabiskan empat tahun pertama zaman kanak-kanak di padang pasir, di perkampungan Bani Saad. Oleh itu, Baginda membesar dengan tubuh yang kuat, jasmani yang sejahtera, lidah yang fasih, jiwa yang berani dan mampu menunggang kuda dengan baik sekalipun masih kecil usianya. Bakat-bakat Baginda terasah dalam kemurnian dan keheningan padang pasir, dibawah kilauan pancaran matahari dan udara yang bersih. (Sirah Nabi Muhammad S.A.W. Pengajaran dan Pedoman, 1985).

Keunggulan Baginda telah diketahui sejak kecil lagi. Riak wajah pada muka Baginda ﷺ menunjukkan tanda-tanda kecerdikan yang menimbulkan rasa sayang kepada sesiapa yang melihat Baginda ﷺ. Apabila Nabi Muhammad ﷺ datang ke majlis datuknya semasa zaman kanak-kanak, Baginda duduk di atas tilam datuknya. Sedangkan jika datuknya duduk di atas tilam itu, tiada seorang pun anak-anaknya (bapa saudara Rasul) akan duduk di atasnya. Oleh itu, bapa-bapa saudara Baginda cuba menariknya daripada tilam tersebut. Lantas Abdul Muttolib berkata: “Biarkan cucuku ini. Demi Allah dia memiliki keistimewaan”.

Pada awal remaja, Baginda ﷺ mengembala kambing untuk penduduk Makkah dengan bayaran upah beberapa qirat (1/24 dinar). Telah sabit daripada Baginda s.a.w., bahawa Baginda bersabda:

مَا مِنْ نَبِيٍّ إِلَّا قَدْ رَعَى الْعَنَمَ قَالُوا: وَأَنْتَ يَا رَسُولُ اللَّهِ قَالَ: وَأَنَا

Maksudnya: Semua nabi pernah mengembala kambing. Mereka bertanya: Kamu juga wahai Rasulullah? Baginda ﷺ menjawab: Aku juga begitu.

Kemudian, apabila umur Baginda ﷺ mencapai 25 tahun, Baginda ﷺ bermula berniaga untuk Khadijah binti Khuwailid. Baginda ﷺ bermula bermodalkan harta Khadijah dengan mendapat bayaran upah.

Kesimpulan

Kehidupan Nabi Muhammad ﷺ sebelum dilantik menjadi rasul telah menunjukkan ciri-ciri seorang rasul yang akan memimpin umat Islam. Baginda ﷺ telah menunjukkan kebijaksanaan dalam menyelesaikan hal yang berkaitan dengan kabilah Arab di Mekah dan dapat mengelakkan pertumpahan darah berlaku. Selain itu, Baginda ﷺ sendiri terdiri daripada kabilah yang mulia dan disegani oleh puak kabilah yang lain dan Baginda ﷺ telah menunjukkan ciri-ciri pendakwah yang betul dengan tidak mengemis dan meminta-minta wang daripada orang lain, sebaliknya Baginda ﷺ telah bekerja keras untuk menyara kehidupan. Apa yang para pembaca dapat saksikan di sini bahawa Baginda ﷺ merupakan contoh ikutan dan teladan yang sempurna dari segi individu, keluarga dan masyarakat. Semoga apa yang dikongsikan ini dapat menambahkan keyakinan diri dan memberi manfaat kepada umat Islam.

Terima kasih.